

**KAJIAN IMPAK PENILAIAN SOSIO-EKONOMI KE ATAS  
PEMBANGUNAN PEKAN PELANCONGAN WANG KELIAN, PERLIS  
(A SOCIO-ECONOMIC EVALUATION IMPACT STUDY ON WANG KELIAN, THE  
TOURISM TOWN DEVELOPMENT, PERLIS)**

*ASAN ALI GOLAM HASSAN, ABU SUFIAN ABU BAKAR & TUAN MARINA TUAN  
IBRAHIM*

**ABSTRAK**

Negeri Perlis kaya dengan lanskap semulajadi yang indah dan mempunyai ciri-ciri geologi yang menarik, mempunyai potensi besar untuk dimajukan. Taman Negeri Perlis telah ditubuhkan pada tahun 2000 seluas 5,000 hektar terletak di Hutan Simpan Mata Ayer dan Hutan Simpan Wang Mu. Di dalam Taman Negeri ini wujud sebuah pekan yang dikenali sebagai Pekan Nat Wang Kelian. Pada tahun 1997, persetujuan dan peraturan serta syarat yang dicapai ialah penduduk tempatan kedua-dua negeri boleh memasuki atau melepassi sempadan sejauh dua kilometer tanpa permit dari pos kawalan Wang Kelian (Malaysia) dan Wang Practhan (Thailand) pada hari Ahad sahaja. Pekan ini dibuka pada setiap hari namun biasanya pekan ini sangat aktif pada hari Sabtu dan hari Ahad. Terdapat gerai-gerai yang diusahakan di sepanjang jalan menuju ke tapak emigresen. Walau bagaimanapun atas kepentingan keselamatan negara, amalan keluar masuk secara bebas di Wang Kelian telah ditamatkan mulai 1 Januari 2008. Satu kompleks kedai yang lengkap dengan pelbagai kemudahan prasarana telah di bina oleh Jabatan Perhutanan pada tahun 2002, walau bagaimanapun ia masih belum beroperasi. Walaupun sebahagian besar penduduk berpendapat kewujudan Taman Negeri meningkatkan lagi peluang pekerjaan dan pembangunan sektor pelancongan di Pekan Nat, namun kesan limpahan dari pembangunan ini tidak sampai ke peringkat Kg Wang Kelian. Sebahagian besar penduduk masih terlibat dalam aktiviti pertanian sejak sebelum adanya pembangunan di Pekan Nat Wang Kelian. Walaupun sebahagian besar penduduk bermingat untuk bermula di Pekan Nat dan bermingat untuk menyewa gerai jika diberi peluang namun penglibatan mereka secara aktif dalam perniagaan di Pekan Nat masih berkurangan. Masalah ini berlaku disebabkan oleh beberapa isu asas seperti kekangan modal, kemahiran dan pengusaha; masalah persaingan dengan peniaga Thailand; dan masalah produk yang hendak dijual. Kertas kerja ini berdasarkan penyelidikan yang dijalankan pada Disember 2007, bagi mengenalpasti masalah dan prospek pembangunan Pekan Wang Kelian.

*Kata kunci:* bandar sempadan, pekan pelancongan; penilaian sosio ekonomi, Taman Negeri.

**ABSTRACT**

Perlis is rich with the natural beautiful landscape with attractive geological characteristics which have huge potential to be developed. The Perlis National Park was established in 2000 with the area of 5,000 hectare situated at the Mata Ayer Forest Reserve and Wang Mu Forest Reserve. Situated within this national park is a small town known as the Pekan Nat Wang Kelian. In 1997, an agreement was made, where on Sundays, locals of both states can enter or exit the border within two kilometres radius without needing any permit from the guard posts at Wang Kelian (Malaysia) and Wang Practhan (Thailand). This town is opened daily, with its peak in activities are on Saturdays and Sundays. There are stalls along the road leading to the immigration point. Nonetheless, due to national security, the free enter/exit practices were terminated effective 1<sup>st</sup> January 2008. A shop complex fitted with various facilities was built by the Forestry Department in 2002, but it is yet to be

operational. Nonetheless, a large portion of the locals find that the State Park existence increases job opportunities and tourism development at Pekan Nat, but this situation does not reach Kg Wang Kelian. Most of the locals are involved in the agricultural activities since before the development of Pekan Nat Wang Kelian. Even though they are interested in starting businesses in Pekan Nat and would be interested in renting the stalls if were given the chance, their involvement is still minimal. This is due to several basic issues such as capital limitation, skills and entrepreneurship, competition with the Thailand's retailers, and products to be sold. This paper is based on study conducted in December 2007 as to identify the problems and prospects of Pekan Wang Kelian.

*Keywords:* border town, tourism town, socio-economic evaluation, state park

## 1. Pengenalan

Negeri Perlis adalah sebuah negeri yang bergantung kepada sektor berasaskan pertanian sebagai aktiviti ekonomi utama. Walaupun usaha membangunkan sektor perindustrian terus dipergiat, namun usaha ini terhad memandangkan wujudnya halangan-halangan dari segi sumber bahan mentah, air, kemudahan frasarana dan sebagainya. Sungguhpun begitu, Negeri Perlis kaya dengan lanskap semulajadi yang indah dan mempunyai ciri-ciri geologi yang menarik dan seterusnya menjadikan industri pelancongan sebagai satu potensi besar dalam usaha untuk mempelbagaikan lagi kegiatan ekonomi negeri ini.

Antara kawasan pelancongan yang giat dibangunkan termasuklah Taman Negeri Perlis. Taman Negeri Perlis telah ditubuhkan pada tahun 2000 seluas 5,000 hektar terletak di Hutan Simpan Mata Ayer dan Hutan Simpan Wang Mu. Taman Negeri ini merangkumi dua kawasan hutan simpan yang diwartakan semula iaitu kawasan Wang Kelian dan Wang Mu. Ianya berada di sebelah barat negeri Perlis yang mana berkedudukan di atas banjaran bukit batu kapur yang terpanjang di Malaysia. Selain itu, gua yang terpanjang di Semenanjung Malaysia (3.8 km) juga terletak di taman ini. Taman negeri ini juga merupakan salah satu hutan separuh-luruh (semidecidous) yang sangat sedikit jumlahnya, serta mempunyai spesies tumbuhan yang menyamai spesies tumbuhan yang terdapat di Thailand. Taman ini juga satu-satunya tempat di Malaysia di mana Beruk Kanto (Macaca arctoides) boleh ditemui.

Taman negeri ini merupakan khazanah kepada kepelbagaian biologi di mana hutan batu kapurnya juga kaya dengan flora dan fauna seperti burung-burung, mamalia dan reptilia sesuai untuk aktiviti pembelajaran. Terdapat satu trek hutan yang mencabar daripada kawasan perkemahan melintasi sebuah air terjun hingga ke sebuah gua bernama Gua Wang Burma. Di sini juga pengunjung boleh mendaki gunung ke Gunung Perlis. Untuk tujuan ini, beberapa kemudahan seperti chalet dan domitri telah disediakan.

Di dalam kawasan yang diwartakan untuk Taman Negeri ini, wujud sebuah pekan yang dikenali sebagai Pekan Nat Wang Kelian. Pekan ini merupakan kawasan tarikan utama pengunjung untuk mengunjungi Taman Negeri Perlis. Pekan ini dibuka pada setiap hari namun biasanya pekan ini sangat aktif pada hari Sabtu dan hari Ahad. Terdapat gerai-gerai yang diusahakan di sepanjang jalan menuju ke tapak emigresen. Pelbagai produk ditawarkan oleh para peniaga antaranya produk pertanian, makanan, pakaian, barang dapur, barang elektronik, bunga-bungaan, barang perhiasan wanita dan lelaki, barang plastik serta buah-buahan segar dari kedua-dua negara dengan harga yang sukar ditandingi di tempat lain. Waktu bagi urusan keluar masuk pintu sempadan dan operasi jual beli di Pekan Nat Wang Kelian ialah dari pukul 8.00 pagi hingga pukul 6.00 petang pada hari Ahad sahaja.

Didapati, Pekan Nat sehari di Wang Kelian ini dapat menarik kira-kira 15,000 orang pelancong ke Taman Negeri Perlis setiap hari Ahad bukan sahaja disebabkan oleh sumber semulajadi di Taman Negeri tetapi kerana pengunjung Pasar Nat dapat menyeberang sempadan Thai-Malaysia tanpa dokumen perjalanan dengan syarat berada dalam lingkungan 2 km. dari pasar minggu (Pekan Nat) tersebut sahaja untuk membeli-belah.

Sehubungan dengan ini, kerajaan Negeri Perlis telah menggariskan beberapa polisi, strategi dan kajian pembangunan pelancongan bagi memperromosikan dan memajukan sistem pelancongan negeri ini diperingkat kebangsaan dan antarabangsa. Beberapa kerjasama turut dijalankan melibatkan agensi-agensi antarabangsa seperti Japanese International Corporation Agency (JICA) (1981), Bank Pembangunan Asia dan sebagainya. Dari konteks wilayah, pelancongan negeri ini akan diperkenalkan dalam rangka promosi di Segitiga Pertubuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT). Rancangan pembangunan tempatan pula dilaksanakan bagi membangunkan sumbangan Taman Negeri Perlis kepada ekonomi negeri (Pelan Pengurusan Taman Negeri Perlis). Setakat ini terdapat sebuah rancangan struktur dan sebuah rancangan tempatan yang mempunyai kaitan dengan kawasan kajian (Wang Kelian dan Kaki Bukit) iaitu Rancangan Tempatan Beseri-Kaki Bukit, 2000-2010.

Kawasan Rancangan Tempatan Beseri-Kaki Bukit meliputi sebahagian besar Mukim Beseri, Mukim Titi Tinggi, Mukim Paya dan sebahagian kecil Mukim Chuping. Kawasan di sekitar Wang Kelian yang merupakan sebahagian daripada Taman Negeri Perlis adalah termasuk di dalam kawasan Rancangan Tempatan Beseri-Kaki Bukit, manakala kawasan Taman Negeri Perlis yang selebihnya pula adalah bersempadan dengan kawasan Rancangan Tempatan ini. Sebuah arked membeli-belah telah dicadangkan berhampiran pos imigresen (Malaysia) Wang Kelian dan telah mula beroperasi sejak 2002 lagi.

Kawasan kependudukan yang utama di Taman Negeri Perlis adalah kawasan perkampungan Wang Kelian dan Kaki Bukit. Kampung Wang Kelian terletak kira-kira 4 kilometer daripada pos imigresen Wang Kelian. Ia mempunyai keluasan kira-kira 150 hektar dan berpenduduk seramai 200 orang yang berbangsa Melayu dan sebilangan kecilnya adalah Siam. Kampung Wang Kelian dikelilingi oleh kawasan hutan dan terletak di dalam kawasan Taman Negeri Perlis. Mengikut Draf Akhir Rancangan Tempatan Beseri-kaki Bukit 2000-2010, Wang Kelian akan dibangunkan sebagai pusat perkhidmatan kecil. Pengamatan guna tanah di kawasan kajian juga mendapati pembangunan perumahan awam di utara kampung Wang Kelian yang mengandungi 40 unit rumah berkembar dan 108 unit rumah dari jenis kluster. Walau bagaimanapun rumah-rumah ini masih belum diduduki.

Dari aspek keselamatan pula, para pelawat yang berkunjung ke Taman Negeri tidak perlu gusar memandangkan kerajaan negeri Perlis telah menempatkan pos kawalan keselamatan oleh pihak kastam dan imigresen dan Balai Polis. Dengan adanya kawalan ini, pelawat yang tidak mempunyai permit yang sah tidak dibenarkan memasuki negara ini. Pemeriksaan ini juga ada kaitan dengan isu pemuliharaan sumber dan menghalang kemasukan pendatang tanpa izin. Pada tahun 1997, perjanjian antara kerajaan negeri Perlis dan pihak berkuasa Selatan Thailand, Daerah Satun telah diadakan. Persetujuan dan peraturan serta syarat yang dicapai ialah penduduk tempatan kedua-dua negeri boleh memasuki atau melepassi sempadan sejauh dua kilometer tanpa permit dari pos kawalan Wang Kelian dan Wang Prachan pada hari Ahad sahaja (Rujukan: Jabatan Perhutanan Negeri Perlis (2005), Pelan Pengurusan Taman Negeri Perlis 2004-2008, Conservation and Development of Perlis State Park).

Wang Kelian yang terletak kira-kira 44 km dari Bandar Kangar, Perlis berada di dalam kawasan Taman Negeri Perlis. Ia merupakan pintu keluar masuk ke Negara Thailand dan kawalan keselamatan serta pemeriksaan dilakukan oleh pihak Imigresen dan Kastam. Taman Negeri ini merangkumi dua kawasan hutan simpan yang diwartakan semula bagi tujuan

pemeliharaan iaitu HS Mata Ayer (Wang Kelian) seluas 2,156 hektar dan HS Wang Mu seluas 2,859.12 hektar. Taman Negeri ini membentuk kawasan hutan yang luas dan kaya dengan kepelbagaiannya biologi. Selain dari itu Taman Negeri Perlis juga terdapat kawasan perkelahan Wang Burma, Tasik Meranti dan kawasan rekreasi Gua Kelam. Terdapat pelbagai kemudahan disediakan seperti Pusat Penerangan, Chalet, dewan serbaguna, tapak perkhemahan, dewan makan, tandas dan surau.

Kawasan hutan di Taman Negeri Perlis terletak di Banjaran Nakawan menganjur di sepanjang barat negeri Perlis selari dengan sempadan Malaysia-Thailand dan melepassi hingga ke Taman Negeri Thaleban di negara jiran Thailand.

Pekan Nat Wang Kelian yang terletak di Taman Negeri Perlis juga merupakan tarikan utama pengunjung di negeri Perlis khususnya. Pekan tersebut aktif pada hari Sabtu dan Ahad. Pada masa sekarang gerai-gerai diwujudkan ditepi jalan bagi peniaga memasarkan barang mereka berdekatan dengan kompleks imigresen. Terdapat juga satu kedai bebas cukai yang telah beroperasi. Satu kompleks kedai yang lengkap dengan pelbagai kemudahan prasarana telah dibina sejak tahun 2002 tapi hingga sekarang masih belum diduduki. Pada masa sekarang terdapat 200 gerai yang menjual pelbagai barang. Di bahagian Thailand juga terdapat gerai-gerai yang menjual pelbagai barang buatan Thailand di mana tujuan utama pengunjung Malaysia datang ialah untuk mendapatkan barang yang lebih murah.

Matlamat kerajaan Negeri Perlis ialah mengaktifkan industri pelancongan dan membuka peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan. Kewujudan Taman Negeri Perlis dan Pekan Nat Di Wang Kelian adalah salah satu tujuan utama bagi merealisasi hasrat kerajaan Negeri Perlis untuk menarik lebih ramai pelancong datang ke negeri Perlis.

## **2. Objektif Kajian**

Objektif umum kajian ini ialah untuk mengetahui impak sosio ekonomi ke atas pembangunan pekan pelancongan Wang Kelian kepada penduduk sekitar dan mencadangkan program/aktiviti pelancongan yang bersesuaian untuk meningkatkan lagi peranan Wang Kelian sebagai pekan pelancongan.

## **3. Metodologi Kajian**

Kajian dijalankan ke atas peniaga-peniaga di Pekan Nat, pelancong, pengunjung dan penduduk sekitar Taman Negeri Perlis (Kg Wang Kelian). Kajian ini menggunakan kaedah persampelan tidak berkebangkalian (nonprobability sampling). Memandangkan sampel dipilih berdasarkan kumpulan sasaran (peniaga/pengunjung/penduduk) yang memenuhi kriteria kajian, kaedah yang dipilih di bawah persampelan ini ialah persampelan bertujuan (purposive sampling). Tiga set soalselidik telah disediakan untuk tujuan temubual bersemuka dengan responden-responden kajian. Kerja lapangan telah dijalankan pada 7 hingga 9 Disember 2007. Temubual penduduk sekitar Taman Negeri telah dijalankan pada 7 (Jumaat) Disember 2007 di Kg Wang Kelian. Temubual dengan peniaga Pekan Nat telah diadakan pada 8 (Sabtu) Disember 2007. Daripada 267 orang perniaga/gerai di Pekan Nat, seramai 70 orang peniaga telah ditemubual (26%). Manakala temubual dengan penunjung telah diadakan pada 9 (Ahad) Disember 2007, seramai 70 orang pengunjung telah berjaya ditemubual. Kajian berbentuk deskriptif dalam bentuk peratusan dan kekerapan.

#### 4. Kepentingan Kajian

Penubuhan Taman Negeri Perlis berfaedah dalam usaha membangunkan ekonomi tempatan kerana ia akan mewujudkan peluang pekerjaan dan meransang kegiatan ekonomi di kawasan terpencil yang kurang mendapat faedah daripada rancangan pembangunan dari segi sejarah dan pilihan ekonomi yang kurang. Ini adalah bersesuaian dengan matlamat kerajaan Negeri Perlis untuk mewujudkan Taman Negeri ini untuk menggalakkan lagi industri pelancongan di negeri Perlis dan seterusnya mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat negeri ini terutama sekali kepada penduduk tempatan (Kg Wang Kelian).

#### 5. Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini hanya mengambil kira sosio-ekonomi penduduk di Kg. Wang Kelian sahaja. Maklumat mengenai sumber dan jumlah pendapatan sampingan, tabungan, profail isirumah berdasarkan temubual (soalselidik) yang telah dijalankan. Maklumat anak yang telah berpindah keluar, sama ada yang telah berkerja atau tidak berkerja adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh dari ketua isirumah. Maklumat perniagaan dan kepuasan peniaga dan pengunjung berdasarkan temubual yang telah dijalankan pada 7 dan 9 Disember 2007 di Pekan Nat, Wang Kelian. Dapatan kajian berdasarkan analisis data 210 orang responden kajian.

#### 6. Dapatan Kajian

##### 6.1.1 *Latarbelakang Penduduk*

Kampung Wang Kelian terletak kira-kira 3 km. dari Pekan Nat Wang Kelian. Terdapat sekitar 70 buah rumah di kampung ini sekitar 80 keluarga. 11% (8 orang) daripada keseluruhan responden (70 orang) adalah daripada penduduk yang terawal menduduki penempatan ini iaitu sejak tahun 1920an. Sebahagian besar daripada mereka mula tinggal di sini sejak 1940an hingga tahun 2000. Sebelum menetap di kampung ini, 30% (16 orang) daripada responden, menetap di lain-lain kawasan sekitar negeri Perlis. Selebihnya, 46 orang responden menetap di rumah yang sama sejak dilahirkan.

Kesemua responden adalah warganegara Malaysia dan berketurunan Melayu. Kebanyakan responden (90%) yang disoal adalah kaum lelaki yang majoritinya bersekolah menengah dan rendah. Enam daripada 11 responden tidak bersekolah adalah lelaki dan selebihnya adalah perempuan dan hanya seorang sahaja responden mempunyai kelayakan politeknik.

Majoriti responden mempunyai bilangan anak daripada 2 hingga 5 orang. Namun begitu, hanya seorang atau dua daripadanya akan menetap di kampung bersama ketua isi rumah. Sebilangan besar lagi bekerja di sekitar negeri Perlis dan di negeri-negeri lain dan menetap di luar Kampung Wang Kelian.

##### 6.1.2 *Pendapatan dan Pekerjaan*

Aktiviti ekonomi utama di Kampung Wang Kelian ialah berasaskan pertanian (Jadual 1). Kebanyakan penduduk di sini bekerja sebagai petani, pekebun kecil getah (RISDA), pesawah dan penternak.

Sejak tahun 1990, 36 orang penduduk terlibat dalam Estet Berkelompok Ala RISDA yang seluas 46.4 hektar. Sekitar 75% daripada responden berkerja dalam Kg Wang Kelian terutamanya sebagai petani, pekebun kecil, pesawah atau penternak (47%). Hanya 5% (3

orang) responden bekerja di Pekan Nat, selebihnya 10% di sekitar negeri Perlis dan 11% di luar negeri Perlis.

Jadual 1: Pekerjaan Utama Dan Lokasi Pekerjaan Utama

Pekerjaan Utama	Lokasi Pekerjaan Utama				Jumlah
	Dalam Kg. Wang Kelian	Pekan Nat	Sekitar Perlis	Lain-Lain Negeri	
Makan Gaji Dengan Kerajaan	4	1	1	0	6
Makan Gaji Dengan Swasta	3	1	3	0	7
Kerja Pelbagai*	7	1	1	0	9
Peniaga	5	0	1	0	6
Petani/Pekebun kecil/Pesawah/Penternak	33 (47%)	0	0	1	34
Pesara	0	0	1	2	3
Tidak Bekerja	0	0	0	5	5
Jumlah	52 (75%)	3 (5%)	7 (10%)	8 (11%)	70

Nota: Kerja Pelbagai merujuk berkerja tetapi tiada pekerjaan tetap; ( ) = dalam peratus

Sebilangan besar penduduk (48%) mempunyai pendapatan RM100 hingga RM500 sebulan (Jadual 2) dan mereka terlibat dalam aktiviti ekonomi sebagai petani, pesawah dan penternak (33%). Sekitar 31% responden berpendapatan lebih dari RM500 hingga RM1,000 sebulan dan mereka juga terlibat sebagai petani, pesawah dan penternak (11%). Tujuh responden (10%) tidak mempunyai pekerjaan dan pesara. Mereka tiada pendapatan daripada pekerjaan utama namun mempunyai pendapatan sampingan hasil daripada pekerjaan sampingan, bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan bantuan kewangan daripada anak-anak.

Sekitar 46% (32 orang) responden terlibat dalam melakukan pekerjaan sampingan. Sebahagian besar (41% daripada 32 orang) terlibat sebagai sebagai petani, pekebun, pesawah dan menternak binatang dengan pendapatan sampingan bulanan sekitar RM100 hingga RM500 sebulan (Jadual 3). Pendapatan sampingan kedua tertinggi oleh penduduk Kg Wang Kelian ialah sebagai peniaga (25%). Dalam masa yang sama, daripada 70 responden yang ditemubual, hanya tujuh daripadanya mendapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, 18 menerima biasiswa persekolahan anak-anak dan empat mendapat bantuan PPRT. Selain itu, hanya lima orang mempunyai tanah atau kebun yang dipajak dan 12 responden lagi menerima bantuan kewangan daripada anak-anak.

Jadual 2: Pekerjaan dan Pendapatan Utama

	RM0	RM101-500	RM501- 1,000	RM1,001- 1,5000	RM1,501- 2,000
Sektor Kerajaan		3	1		2
Sektor Swasta		1	5	1	
Kerja Perbagai		5	4		
Peniaga		1	3	2	
Petani/Pekebun		23 (33%)	8 (11%)	1	1
Kecil/Pesawah/Penternak					
Pesara	2	1	1		
Tidak Berkerja	5				

Jumlah	7 (10%)	34 (48%)	22 (31%)	4 (6%)	3 (5%)
--------	---------	----------	----------	--------	--------

Jadual 3: Pekerjaan dan Pendapatan Sampingan

	RM0	RM101-500	RM501-1,000	RM1,001-1,5000	RM1,501-2,000
Sektor Kerajaan		2	2		
Sektor Swasta		1	1		
Kerja Perbagai		4	1		
Peniaga		3	2	2	1
Petani/Pekebun		10	2	1	
Kecil/Pesawah/Penternak					
Pesara					
Tidak Pekerjaan Sampingan	38				
Jumlah	38 (54%)	20 (29%)	8 (11%)	3 (5%)	1 (1%)

### 6.1.3 Persepsi Penduduk Terhadap Pembangunan Wang Kelian

Lebih daripada 77.2% responden bersetuju bahawa bilangan pelancong yang melawat Taman Negeri atau Pekan Nat meningkat setiap tahun (Jadual 4). Lebih dari 81.5% responden juga menyatakan kewujudan Taman Negeri meningkatkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dan meningkatkan pelancong yang berkunjung ke Pekan Nat. Lebih 78% responden pula berminat untuk bermiaga di Pekan Nat dan turut berminat untuk menyewa dan membeli lot perniagaan jika berpatutan. Walau bagaimanapun, tidak ramai yang berminat untuk membeli rumah di taman perumahan berdekatan Pekan Nat dan majoriti responden tidak mahu berpindah keluar dari Kampung Wang Kelian.

Jadual 4: Persepsi Penduduk Terhadap Pembangunan Pekan Nat/Taman Negara

Pandangan Responden (Penduduk)	Setuju	Tidak Setuju
Bilangan pelancong ke Pekan Nat/Taman Negeri meningkat setiap tahun	77.2	22.8
Kewujudan Taman Negeri meningkatkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan	81.5	18.5
Bercadang Membawa Keluarga Ke Taman Negeri Perlis	84.9	15.1
Kewujudan Taman Negeri meningkatkan pelancong yang datang ke Pekan Nat	67.1	32.9
Pelancong asing meningkat setiap tahun	78.5	21.5
Berminat untuk bermiaga di Pekan Nat	78.6	21.4
Jika ada peluang lain di tempat lain, bercadang untuk berpindah	24.3	75.7
Jika ada gerai disediakan, berminat untuk menyewa	68.5	31.5
Jika ada gerai disediakan, berminat untuk membeli	48.5	51.5
Berminat untuk membeli rumah di Taman Perumahan berdekatan Pekan Nat	44.3	55.7
Kebanyakan Peniaga Pekan Nat Warga Thailand	90.0	10
Kebanyakan Pekerja Pekan Nat Warga Thailand	91.4	8.6
Warga Malaysia Lebih Berminat Beli Barang Di Sebelah Thailand	88.6	11.4
Barang Yang Sama Jenis / Kualiti Lebih Murah Di Sebelah Thailand	70.0	30
Jika Urusan Keluar/Masuk (Guna Passport) Perniagaan Pekan Nat Tidak Akan Terjejas	12.9	87.1

Selain itu, sekitar 90% responden bersetuju bahawa kebanyakan peniaga dan pekerja di Pekan Nat terdiri daripada warga Thailand. Mereka juga bersetuju bahawa rakyat Negara ini lebih cenderung untuk membeli produk di sebelah Thailand walaupun harga dan kualiti yang ditawarkan di sebelah Thailand dan Malaysia lebih kurang sama. Sekitar 87% responden menyatakan urusan keluar dan masuk menggunakan passport akan menjelaskan aktiviti perniagaan di Pekan Nat.

## **6.2 Kajian Peniaga dan Perniagaan**

### **6.2.1 Latarbelakang Peniaga dan Perniagaan**

Daripada 200 orang perniaga/gerai di Pekan Nat, seramai 70 orang peniaga telah ditemubual. Temubual dengan peniaga Pekan Nat telah diadakan pada 8 (Sabtu) Disember 2007. Peniaga yang ditemubual terdiri daripada 59 orang peniaga tempatan dan bakinya 11 orang perniaga Siam.

Daripada temubual yang dijalankan hanya 29% daripada mereka tidak bersekolah. Manakala secara keseluruhannya, 31 responden mempunyai latarbelakang pendidikan sekolah rendah manakala 19 responden lagi bersekolah menengah. Daripada aspek kerakyatan, didapati peniaga rakyat Malaysia lebih banyak memiliki tahap pendidikan rendah dan menengah berbanding peniaga rakyat Thailand.

Didapati, pada tahun pembukaan Pekan Nat ini hanya tujuh responden memulakan perniagaan mereka ketika itu iaitu sekitar tahun 1977 hingga 1989. Kebanyakan daripada responden yang ditemubual memulakan perniagaan pada 1996 hingga 1999 iaitu sebanyak 19 orang dan tahun 2000 hingga 2003 iaitu sebanyak 23 orang (Jadual 5).

Jadual 5: Tahun Mula Berniaga Di Wang Kelian

Tahun	Kekerapan	%
1977 – 1989	7	10.0
1990 – 1995	8	11.4
1996 – 1999	19	27.1
2000 – 2003	23	32.9
2004 – 2007	13	18.6
Jumlah	70	100.0

Jadual 6 menjelaskan tentang jenis perniagaan dan pemilikan di Pekan Nat Wang Kelian. Terdapat 70 orang responden yang ditemubual, 39 daripadanya adalah rakyat Malaysia manakala 31 lagi rakyat Thailand. Namun begitu, ini tidak bermakna majoriti peniaga adalah rakyat Malaysia. Ini memandangkan ramai peniaga yang berasal daripada Thailand tidak dapat bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dan menyebabkan mereka tidak dapat memberi kerjasama.

Jadual 6: Jenis Perniagaan Dan Pemilikan

Jenis Perniagaan	Kerakyatan		Jumlah
	Malaysia	Thailand	
1   Kedai Makan	1	1	2
2   Makanan Ringan	6	5	11
3   Makanan Basah/Buah/Sayur	3	2	5

4	Pakaian/Tudung/Kasut/Selipar	5	0	5
5	Hiasan/Kraftangan	5	3	8
6	Elektrik/Elektronik	7	16	23
7	Perabut/Alatan Kayu	0	1	1
8	Barang Perhiasan Wanita	2	3	5
9	Basikal	1	0	1
10	Permainan Kanak-Kanak	3	0	3
11	Hardware	3	0	3
12	Kedai Runcit	2	0	2
13	Barang Keperluan Rumah	1	0	1
Jumlah		39	31	70

Nilai sewa tetap yang dikenakan oleh Jabatan Hutan adalah RM10 seminggu untuk satu tapak kecil. Jika mereka menyewa lebih dari 1 tapak, maka bayarannya akan digandakan. Terdapat sekumpulan kecil peniaga membayar RM10 ke bawah untuk sewa kedai. Manakala majoritinya iaitu 17 responden membayar RM20 sebulan. Biasanya mereka terdiri daripada peniaga kecil. Selebihnya membayar jumlah sewa yang lebih daripada RM40. Mereka biasanya terdiri daripada peniaga yang menjalankan operasi perniagaan setiap hari dan mempunyai tapak atau premis perniagaan yang lebih besar, selesa dan lengkap. Manakala, terdapat hanya seorang sahaja responden yang membayar sewa sebanyak RM800. Ini adalah kerana responden ini menyewa premis yang asalnya adalah kedai makan milik rakyat tempatan dan telah disewakan kepadanya dengan harga tersebut. Bagi milikan perniagaan pula, hanya tujuh responden memiliki premis perniagaan sendiri dan selebihnya menyewa (Jadual 7).

Jadual 7: Nilai Sewa Premis Perniagaan Sebulan Dan Empunya Premis Perniagaan

Empunya premis perniagaan				
Nilai Sewa Premis Perniagaan Sebulan	Sendiri/Keluarga	%	Sewa	%
\$0	7	10.0%		
\$5			1	1.43%
\$10			6	8.57%
\$15			1	1.43%
\$20			19	27.14%
\$40			17	24.29%
\$50			1	1.43%
\$60			2	2.86%
\$80			2	2.86%
\$100			4	5.71%
\$120			4	5.71%
\$150			4	5.71%
\$200			2	2.86%
Jumlah	7	10.0%	63	90.0%

Jadual 8 di atas menunjukkan jenis perniagaan yang beroperasi di Wang Kelian. Didapati kebanyakannya peniaga terutama peniaga daripada Thailand menjual produk elektrik dan elektronik. Terdapat 11 peniaga menjual makanan ringan dan merupakan bilangan kedua terbesar. Seterusnya, diikuti dengan perniagaan-perniagaan lain seperti barang hiasan dan kraftangan, makanan basah, pakaian dan sebagainya.

Jadual 9 menjelaskan jenis perniagaan dan tempat barang perniagaan diperolehi. Majoriti barang adalah diperolehi daripada lain-lain negeri di Malaysia seperti Pulau Pinang, Kedah dan sebagainya yang mewakili 39 responden. Terdapat 20 responden mendapatkan barang perniagaan daripada negeri Perlis dan 11 lagi daripada Thailand. Dari aspek barang pula, perabot atau alat kayu hanya didapati daripada Thailand. Lain-lain barang sebahagiannya diperolehi daripada Malaysia dan Thailand.

Berdasarkan soalselidik yang dibuat, majoriti pelanggan di sini adalah warga asing, terutamanya warga Thailand. Mereka mewakili 64.3% daripada keseluruhan pelanggan. Selebihnya adalah warga tempatan dan peniaga di sekitar Wang Kelian yang mewakili 17.1% dan pelancong tempatan 18.6%. Jadual 10 berkisar tentang anggaran perbelanjaan pelancong asing dan tempatan yang berkunjung ke Pekan Nat Wang Kelian dalam sehari. Majoriti pelancong asing mahupun tempatan berbelanja antara RM15 hingga RM30. Mereka mewakili 44.3% daripada keseluruhan responden. Manakala, jika dilihat secara umum, pelancong asing terutama daripada Thailand memperuntukkan perbelanjaan yang lebih tinggi berbanding pelancong tempatan.

Jadual 8: Jenis Perniagaan Di Wang Kelian

Janis Perniagaan		Kekerapan	%
1	Elektrik/Elektronik	23	32.9
2	Makanan Ringan	11	15.7
3	Hiasan/Kraftangan	8	11.4
4	Pakaian/Tudung/Kasut/Selipar	5	7.1
5	Makanan Basah/Buah/Sayur	5	7.1
6	Barang Perhiasan Wanita	5	7.1
7	Permainan Kanak-Kanak	3	4.3
8	Hardware	3	4.3
9	Kedai Runcit	2	2.9
10	Kedai Makan	2	2.9
11	Perabut/Alatan Kayu	1	1.4
12	Basikal	1	1.4
13	Barang Keperluan Rumah	1	1.4
		Jumlah	100.0

Jadual 9: Jenis Perniagaan Dan Tempat Barang Perniagaan Diperolehi

Jenis Perniagaan	Tempat Barang Perniagaan Diperolehi			Jumlah
	Negeri Perlis	Lain-Lain Negeri Dalam Malaysia	Thailand	
1   Kedai Makan	1	1		2
2   Makanan Ringan	5	5	1	11

3	Makanan Basah/Buah/Sayur	1	4		5
4	Pakaian/Tudung/Kasut/Selipar/Toto	2	3		5
5	Hiasan/Kraftangan	2	6		8
6	Elektrik/Elektronik	5	12	6	23
7	Perabut/Alatan Kayu			1	1
8	Barang Perhiasan Wanita	3		2	5
9	Basikal		1		1
10	Permainan Kanak-Kanak		3		3
11	Hardware		2	1	3
12	Kedai Runcit	1	1		2
13	Barang Keperluan Rumah		1		1
Jumlah		20	39	11	70

Jadual 10: Anggaran Perbelanjaan Pelancong Asing Dan Tempatan Sehari

Julat Perbelanjaan	Pelancong Tempatan		Pelancong Asing	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
\$1 - \$14	27	38.5	6	8.6
\$15 - \$ 30	31	44.4	31	44.3
\$31 - \$50	7	9.9	19	27.1
\$51 - \$100	3	4.3	11	15.7
Lebih \$100	2	2.8	3	4.3
Jumlah	70	100.0	70	100.0

Majoriti peniaga memerlukan modal sebanyak RM50 hingga RM100. Dua belas responden menyatakan bahawa mereka memerlukan antara RM301 hingga RM500 seminggu. Bilangan yang sama juga menyatakan mereka memerlukan antara RM501 hingga RM1000 seminggu. Jika dilihat dari sudut jenis perniagaan, perniagaan yang memerlukan lebih daripada RM1000 sebagai modal untuk seminggu adalah perniagaan makanan basah atau buah dan sayuran, elektrik dan elektronik, permainan kanak-kanak dan kedai basikal. Sebilangan besar perniagaan yang memerlukan antara RM501 hingga RM1000 terdiri daripada jenis perniagaan elektrik dan elektronik, barang hiasan dan kraftangan dan sebagainya.

#### 6.2.2 Persepsi Peniaga Terhadap Pembangunan Wang Kelian

Berdasarkan Jadual 11, majoriti (98.6%) daripada responden yang disoalselidik menyatakan minat mereka untuk mengembangkan perniagaan di Wang Kelian. Seramai 95.3% daripadanya juga beminat untuk menyewa gerai jika kerajaan mewujudkan gerai yang lebih lengkap dan dengan kos yang berpatutan.

Jadual 11: Persepsi Peniaga Terhadap Pembangunan Pekan Nat/Taman Negara

Pandangan Responden (Peniaga)	Setuju	Tidak Setuju
Berminat Untuk Mengembangkan Perniaga Di Pekan Nat	98.6	1.4
Jika Gerai Perniagaan Disediakan, Berminat Untuk Sewa	95.7	4.3

Jika Gerai Perniagaan Disediakan, Berminat Untuk Beli	92.9	7.1
Warga Malaysia Minat Beli Barang Di Sebelah Thailand	82.9	17.1
Bercadang Membawa Keluarga Ke Taman Negeri Perlis	77.1	22.9
Kebanyakan Peniaga Pekan Nat Adalah Warga Thailand	94.3	5.7
Kebanyakan Pekerja Pekan Nat Adalah Warga Thailand	91.4	8.6
Keupayaan Keuntungan Perniagaan Sekarang Meningkat	68.6	31.4
Kewujudan Taman Negara Meningkatkan Pelancong Ke Pekan Nat	67.1	32.9
Jika Ada Peluang Di Tempat Lain, Akan Berpindah	50.0	50.0
Harga Barang Lebih Murah Di Sebelah Thailand	57.1	42.9
Bilangan Pelancong Ke Pekan Nat Meningkat Setiap Tahun	65.7	34.3
Pelancong Asing Meningkat Setiap Tahun	65.7	34.3
Urusan Keluar Masuk Menggunakan Passport Tidak Menjejaskan Perniagaan Di Pekan Nat	8.6	91.4

Kebanyakan daripada mereka (93%) juga sanggup membeli gerai yang disediakan jika gerai tersebut strategik dan berpatutan. Seramai 83% responden sangat bersetuju bahawa kebanyakan pengunjung tempatan lebih gemar membeli belah di sebelah Thailand walaupun harga yang ditawarkan tidak semestinya lebih murah di sebelah Thailand.

Lebih daripada 94% responden sangat bersetuju bahawa kebanyakan peniaga dan pekerja di Pekan Nat adalah warganegara Thailand. Lebih daripada separuh responden menyatakan bahawa kewujudan Taman Negeri Perlis memberi impak yang positif kepada perniagaan mereka dan bersetuju bahawa taman ini turut meningkatkan bilangan pelancong yang berkunjung ke sini. Selain itu, 67% daripada responden bersetuju bahawa pelancong meningkat setiap tahun.

Mereka juga tidak bersetuju untuk berpindah ke tempat lain jika mempunyai peluang yang lebih lumayan. Seramai 91% responden menyatakan kebimbangan mereka terhadap urusan keluar masuk yang diperketat dengan mewajibkan penggunaan passport. Ini adalah kerana, peraturan ini akan mengurangkan bilangan pelancong asing dan seterusnya merugikan perniagaan mereka.

### **6.3 Kajian Pengunjung dan Perbelanjaan**

#### **6.3.1 Latarbelakang Pengunjung dan Perbelanjaan**

Manakala temubual dengan pengunjung telah diadakan pada 9 (Ahad) Disember 2007, seramai 70 orang pengunjung telah berjaya ditemubual. Daripada jumlah ini, 60 daripadanya adalah rakyat Malaysia. Mereka terdiri daripada 30 lelaki dan 30 perempuan. Manakala 9 responden (perempuan) lagi adalah warganegara Thailand dan seorang (perempuan) daripada Kanada.

Didapati, daripada 60 orang responden rakyat Malaysia, 19 daripadanya tidak bekerja. Manakala, baki responden yang bekerja, majoriti mempunyai pendapatan RM1500 hingga RM2000. Bagi warganegara Thailand, hanya 4 daripada 9 responden adalah tidak bekerja dan majoritinya mempunyai pendapatan kurang daripada RM1500 dan tidak bekerja. Terdapat seorang sahaja pelancong daripada Kanada yang masih menuntut di institusi pengajian tinggi. Berdasarkan Jadual 12, majoriti pelawat datang dari negeri-negeri di sebelah utara Malaysia seperti Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Jadual 12: Tempat Tinggal Responden

Negeri Asal		Kekerapan	Peratusan
1	Perlis	9	12.9
2	Kedah	15	21.4
3	Kelantan	2	2.9
4	Perak	6	8.6
5	Pulau Pinang	8	11.4
6	Selangor	6	8.6
7	Melaka	2	2.9
8	N.Sembilan	1	1.4
9	Johor	4	5.7
10	Wilayah Persekutuan (KL/Putrajaya)	4	5.7
11	Thailand	12	17.1
12	Kanada	1	1.4
Jumlah		70	100.0

Negeri yang mencatatkan bilangan pelawat paling tinggi ke Pekan Nat adalah negeri Kedah dan diikuti pelawat daripada negara Thailand. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil pelawat yang datang dari negeri-negeri lain di seluruh Malaysia kecuali negeri Sarawak, Sabah dan Pahang. Terdapat juga seorang pelancong asing yang berasal Kanada turut ditemubual.

Berdasarkan temubual yang dibuat, didapati majoriti responden datang bersama ahli keluarga atau rombongan empat hingga enam orang dan lebih daripada lapan. Manakala daripada aspek kenderaan yang digunakan, kebanyakan pelawat menggunakan kereta atau van yang mewakili 51 orang. Terdapat dua pengunjung yang menggunakan lain-lain jenis kenderaan seperti perkhidmatan kereta sewa atau teksi untuk datang ke Pekan Nat (lihat Jadual 13).

Jadual 13: Bilangan Ahli Keluarga/Rombongan Dan Kenderaan Yang Digunakan

Bilangan Ahli Keluarga / Rombongan	Kenderaan Yang Digunakan				Jumlah
	Motor	Kereta/Van	Bas Pelancong	Lain-Lain	
1 Hingga 3	2	7	-		9
4 Hingga 6	1	23	-	1	25
6 Hingga 8	1	5	-		6
Lebih Daripada 8		16	13	1	30
Jumlah	4	51	13	2	70

Jadual 14 menunjukkan sumber perolehan maklumat tentang Wang Kelian. 43 responden mendapat maklumat tentang Wang Kelian daripada rakan, 7 responden mengetahuinya daripada maklumat pelancongan dan selebihnya mengetahui tentang tempat ini daripada majalah, akhbar dan lain-lain.

Jadual 14: Sumber Perolehan Maklumat Tentang Wang Kelian

	Kekerapan	Peratusan
Rakan	43	61.4
Akhbar	2	2.9

Majalah	2	2.9
Maklumat Pelancongan	7	10.0
Lain-Lain	16	22.9
Jumlah	70	100.0

Daripada jumlah keseluruhan responden, 44 responden tidak mengetahui tentang tempat ini dan kesemuanya berminat untuk melawat tempat ini pada masa akan datang. Manakala 26 daripada keseluruhan responden lagi, mengetahui tetang tempat ini. 19 daripadanya telahpun melawat Wang Kelian dan lain-lain responden menyatakan mereka tidak berminat untuk melawat tempat ini (Jadual 15).

Manakala Jadual 16 menunjukkan bilangan responden yang mengetahui tentang Taman Negeri Perlis (Gua Kelam) dan berminat atau pernah melawat tempat ini. Sebilangan besar responden iaitu 44 orang tidak mengetahui tentang Gua Kelam. Daripada bilangan ini, 22 berminat atau pernah melawat Gua Kelam dan sebahagian lagi sebaliknya. Manakala, daripda 26 responden yang mengetahui tentang tempat rekreasi ini, 21 daripadanya berminat atau pernah melawat tempat ini. Manakala selebihnya tidak berminat untuk ke tempat perkelahan ini.

Jadual 15: Mengetahui Tentang Taman Negeri Perlis (Wang Kelian) Dan Berminat / Pernah Melawat Wang Kelian

Mengetahui Tentang Taman Negeri Perlis (Gua Kelam)	Berminat / Pernah Melawat Gua Kelam		Jumlah
	YA	TIDAK	
Ya	19	7	26
Tidak	44	0	44
Jumlah	63	7	70

Jadual 16: Mengetahui Tentang Taman Negeri Perlis (Gua Kelam) Dan Berminat / Pernah Melawat Gua Kelam

Mengetahui Tentang Taman Negeri Perlis (Gua Kelam)	Berminat / Pernah Melawat Gua Kelam		Jumlah
	YA	TIDAK	
Ya	21	5	26
Tidak	22	22	44
Jumlah	43	27	70

### 6.3.2 Persepsi Pengunjung Terhadap Pembangunan Wang Kelian

Majoriti (97%) responden sangat bersetuju untuk datang semula dan membawa keluarga atau rakan melawat ke Pekan Nat atau Taman Negeri. Sebilangan besar (95%) juga sangat bersetuju dan bersetuju bahawa kebanyakan peniaga dan pekerja di Pekan Nat adalah warganegara Thailand (lihat Jadual 17).

Jadual 17: Persepsi Pelawat Terhadap Pembangunan Pekan Nat/Taman Negara

	Pandangan Responden (Pelawat)	Setuju	Tidak Setuju
1	Bercadang Untuk Datang Semula Ke Pekan Nat/Taman Negeri	97.2	2.8

2	Mencadangkan Keluarga/Rakan Melawat Pekat Nat/Taman Negeri	94.2	5.8
3	Kebanyakkan Peniaga Pekan Nat Warga Thailand	95.7	4.3
4	Kebanyakkan Pekerja Pekan Nat Warga Thailand	97.1	2.9
5	Warga Malaysia Lebih Berminat Beli Barang Di Sebelah Thailand	84.2	15.8
6	Barang Yang Sama Jenis / Kualiti Lebih Murah Di Sebelah Thailand	65.7	34.3
7	Jika Urusan Keluar/Masuk (Guna Passport) Perniagaan Pekan Nat Tidak Akan Terjejas	48.6	51.4
8	Keselamatan Terjamin Di Sebelah Malaysia	87.1	12.9
9	Keselamatan Terjamin Di Sebelah Thailand	87.1	12.9

Seramai 84% responden bersetuju bahawa rakyat Malaysia lebih berminat untuk membeli barang di sebelah Thailand dan menyatakan bahawa barang yang sama jenis dan kualiti adalah lebih murah di sebelah Thailand (Wang Prachan). Selain itu, seramai 51% responden bersetuju bahawa urusan keluar masuk menggunakan passport akan menjelaskan perniagaan di sini. Selain itu, kebanyakkan responden menyatakan persetujuan mereka bahawa keselamatan mereka adalah terjamin di sebelah Malaysia (Wang Kelian) mahupun di sebelah Thailand (Wang Prachan).

## 7. Kesimpulan Kajian

### 7.1 Kesan Limpahan Pembangunan Pekan Nat dan Taman Negeri Perlis

Secara keseluruhan kesan pembangunan Pekan Nat Wang Kelian kepada penduduk sekitar adalah terhad. Walaupun sebahagian besar penduduk berpendapat kewujudan TNP meningkatkan lagi peluang pekerjaan dan pembangunan sektor pelancongan di Pekan Nat, namun kesan limpahan dari pembangunan ini tidak sampai ke peringkat Kg Wang Kelian. Sebahagian besar penduduk sekitar (Kg Wang Kelian) terlibat dalam aktiviti pertanian sejak sebelum adanya pembangunan di Pekan Nat Wang Kelian. Hanya 5% responden (penduduk sekitar) sahaja berkerja tetap di Pekan Nat dan 9% responden (6 orang) menjalankan perniagaan sampingan atau sebagai pekerja sambilan untuk mendapatkan pendapatan sampingan di Pekan Nat.

Walaupun sebahagian besar penduduk (78%) berminat untuk berniaga di Pekan Nat dan berminat untuk menyewa gerai (68%) jika diberi peluang namun penglibatan mereka secara aktif dalam perniagaan di Pekan Nat masih berkurangan. Masalah ini berlaku disebabkan oleh beberapa isu asas seperti berikut:

- Kekangan modal, kemahiran dan pengusaha
- Masalah persaingan dengan peniaga Thailand
- Masalah produk yang hendak dijual

Sebahagian besar (48%) penduduk (Kg. Wang Kelian) berpendapatan rendah, kurang dari RM500 sebulan melalui usaha mereka dalam aktiviti pertanian dan sebahagian penduduk menerima bantuan kerajaan dalam bentuk biasiswa, bantuan kebajikan masyarakat dan bantuan PPRT. Keadaan sebegini menghadkan keupayaan penduduk dari segi modal tetap dan pusingan untuk memulakan perniagaan. Selain itu tahap pendidikan yang rendah dan kurangnya kemahiran dalam perniagaan telah menghadkan penglibatan mereka dalam perniagaan. Dalam masa yang sama Migrasi keluar anak-anak yang telah dewasa ke lain-lain kawasan di negeri Perlis atau ke luar Perlis untuk mencari peluang pekerjaan membawa kepada masalah pengusaha dan pekerja. Purata setiap keluarga mempunyai 5 orang anak dan yang masih terus menetap dengan keluarga satu atau dua orang sahaja, sama ada belum atau

sedang bersekolah. Sebahagian besar ketua isi rumah telah berumur lebih dari 45 tahun dan terlibat sepenuh masa dalam aktiviti pertanian.

Penduduk tempatan (termasuk perniaga tempatan) juga kurang mampu bersaing dengan peniaga daripada Thailand. Sebahagian besar peniaga dan pekerja di gerai-gerai di Pekan Nat ialah warganegara Thailand. Peniaga warga Thailand membawa masuk barang-barang mereka dari Thailand terutamanya pakaian, kraftangan, barang-barang elektrik, barang perhiasan wanita dan perabot. Selain itu peniaga Thailand juga membawa bersama pekerja mereka (warga Thai) untuk bermiaga di Pekan Nat. Barang-barang ini juga dijual pada harga yang lebih murah di Wang Prachan (Thailand). Sehubungan itu, pengunjung/pelawat warga Malaysia juga lebih berminat untuk membeli-belah di Wang Prachan berbanding di Pekan Nat.

Selain itu, penduduk (peniaga) tempatan tidak mempunyai satu produk yang menarik dan tersendiri untuk dipersembahkan, dijual kepada pengunjung. Sebahagian besar barang-barang yang dijual di Pekan Nat ialah barang-barang yang boleh diperolehi ditempat-tempat lain cuma harganya yang lebih murah.

Kewujudan Taman Negeri Perlis (TNP) telah meningkatkan kedatangan pelawat ke Pekan Nat dan angka ini terus meningkat dari tahun ke tahun, mengikut persepsi penduduk dan peniaga). Malah penduduk dan peniaga juga berminat untuk membawa keluarga mereka melawat Taman Negeri Perlis.

Kebanyakan pelawat mengetahui tentang pekan pelancongan Wang Kelian (Pekan Nat) melalui rakan-rakan mereka. Manakala mengenai Taman Negeri Perlis, Wang Kelian, 37% pegunjung Pekan Nat mengetahui adanya Taman Negeri Perlis, Wang Kelian, iaitu terletak dalam perjalanan ke Pekan Nat Wang Kelian. 67% daripada mereka telah melawat Taman Negeri Perlis, Wang Kelian manakala bakinya tidak berminat untuk melawat Taman Negeri Perlis, Wang Kelian. Angka yang agak besar, 63% pelawat ke Pekan Nat Wang Kelian tidak mengetahui tentang adanya Taman Negeri Perlis, Wang Kelian. Walau bagaimanapun mereka berminat untuk Taman Negeri Perlis, Wang Kelian jika berkesempatan. Berbeza dengan Taman Negeri Wang Kelian, Taman Negeri Perlis, Gua Kelam lebih dikenali dan pengunjung lebih berminat untuk melawat ke kawasan tersebut kerana adanya Gua Kelam dan sungai/jeram serta kawasan perkelahan untuk keluarga yang lebih menarik. Berbanding dengan Taman Negeri Perlis, Wang Kelian, kawasan perkelahan dan chaletnya yang agak terpencil.

Walaupun sebahagian besar penduduk sekitar berpendapat, kewujudan Taman Negeri Perlis (di Wang Kelian) dapat meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan mereka, tetapi penglibatan mereka dalam aktiviti perniagaan di Taman Negeri tersebut agak terhad. Hanya 3 hingga 4 orang sahaja berkerja sebagai pekerja sambilan di kawasan tersebut.

Manakala tentang kemudahan yang disediakan oleh kerajaan kepada penduduk kampung dan tahap penggunaan dan kepuasan yang mereka miliki hasil daripada penggunaan kemudahan ini, rata-rata penduduk yang ditemubual, sebilangan besar menyatakan mereka berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan. Sebilangan kecil sahaja menyatakan ketidakpuasan hati mereka dengan kemudahan ini. 17% responden menyatakan jalan raya di kampung ini tidak memuaskan seperti jalan berlubang, sempit dan tidak rata. 59% responden menyatakan lampu jalan tidak mencukupi. 30% responden tidak berpuas hati dengan kemudahan bilik komputer yang dikatakan tidak beroperasi dengan baik dan tiada jaringan internet. Manakala sebilangan besar responden (80%) tidak berpuas hati dengan kemudahan telefon awam yang dikatakan tidak berfungsi dengan baik.

Tinjauan penyelidik di Pekan Nat Wang Kelian mendapati kemudahan-kemudahan awam yang disediakan untuk pelancong agak tidak diuruskan dengan baik. Seperti kemudahan

tandas awam yang uzur dan tidak terjaga, tiada kemudahan tempat untuk bersembahyang (surau), tiada kemudahan pusat maklumat untuk pelancong, tempat meletak kereta/bas yang tidak terurus, gerai-gerai yang tidak teratur/terurus.

## 7.2 Free Flow Wang Kelian - Wang Pratchan

Berdasarkan perjanjian kerjasama Pertumbuhan Segi Tiga Utara Indonesia, Malaysia, Thailand (IMT-GT) 1992, rakyat dari negara-negara yang bersempadan diberi kelonggaran keluar masuk untuk menjalankan aktiviti perniagaan di sempadan termasuk pasar sehari di Wang Kelian pada hujung minggu (Johari 2007). Lanjutan dari itu mesyuarat peringkat menteri-menteri Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) di Songkhla, Thailand pada 3 Mac 2000 yang dihadiri oleh empat Menteri Besar (bagi pihak Malaysia) iaitu Datuk Seri Shahidan Kassim (Perlis), Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali (Perak), Datuk Seri Syed Razak Syed Zain (Kedah) dan Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Pulau Pinang) bersetuju dengan cadangan membangunkan pekan perniagaan bersama di sempadan setiap negeri dengan Thailand di bawah kerjasama IMT-GT. Berdasarkan cadangan tersebut, kerajaan Perlis akan membangunkan Wang Kelian, kerajaan Perak membangunkan pekan Pengkalan Hulu dan kerajaan Kedah membangunkan pekan baru Durian Burung (Abdullah 2000a; 2000b).

Kelonggaran keluar masuk di Wang Kelian, diperkenal sejak lebih 10 tahun lalu melalui kerjasama sempadan di bawah Jawatankuasa Pembangunan Sosial dan Ekonomi Perlis-Satun (Utusan Malaysia 31 November 2007). Keluar masuk sempadan tanpa dokumen (konsep *free flow*) antara Malaysia dan Thailand ini, sejauh dua kilometer dari pintu sempadan konsep *free flow* yang hanya terdapat di Wang Kelian dan Wang Pratchan, Satun di sebelah Thailand (Utusan Malaysia 13 Mac 2006).

Walau bagaimanapun di atas tujuan menjaga kepentingan negara keputusan menamatkan amalan keluar masuk secara bebas di Wang Kelian terpaksa diambil dan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2008. Keputusan menamatkan amalan keluar masuk secara bebas di Wang Kelian sejak 15 tahun lalu itu diumumkan oleh Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Mohd. Johari Baharom 18 Disember 2007 (Utusan Malaysia 24 Disember 2007).

Pelawat kini perlu mengemukakan dokumen perjalanan iaitu pasport antarabangsa atau pas sempadan untuk urusan keluar masuk sempadan dan cap jari. “*Apabila masuk buat kali kedua, mereka tidak perlu lagi membawa sebarang dokumen sebaliknya hanya ‘bawa jari’ untuk proses pemeriksaan biometrik kerana segala data sudah ada dalam sistem kita.*” Cuma sekarang kita hapuskan amalan ‘mengangkat tangan’ ketika memasuki kawasan sempadan,” (menurut Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad dalam Utusan Malaysia 10 Januari 2008).

Langkah kerajaan ini berikutan dengan masalah penyeludupan barang terkawal ke negara jiran seperti minyak masak (rujuk Johari 2008), minyak diesel (rujuk Utusan 13 Mac 2006), mercun (rujuk Utusan Malaysia 22 November 2002), beras (rujuk Utusan Malaysia 5 Julai 2000), penyeludupan cakera padat digital (DVD) cetak rompak (rujuk Utusan Malaysia 19 Sept 2004), penyeludupan daging dan makanan berasaskan ayam dari Thailand ketika wabak selesema burung pada Februari 2004 (rujuk Utusan Malaysia 7 Februari 2004). Ia juga berikutan dengan aktiviti teksi haram (rujuk Utusan 24 November 2005), penemuan 41 kereta Malaysia yang dilarikan dari Malaysia di Songkhla, Thailand (rujuk Yusri 2005). Baru-baru ini keadaan menjadi semakin rumit selepas berlaku pergolakan di wilayah selatan Thailand, para peniaga dari negara itu telah bertindak memindahkan gerai mereka ke kawasan sempadan di sebelah Malaysia. Ini menyebabkan lebih 157 buah gerai di kawasan sempadan

kita dimiliki oleh rakyat Thailand berbanding peniaga tempatan hanya ada 110 buah gerai (Utusan Malaysia 10 Januari 2008).

Menurut penduduk, peniaga dan pelawat di Wang Kelian, langkah kerajaan mengambil langkah menghentikan amalan keluar masuk secara bebas tanpa dokumen antara warga Malaysia dan Thailand di pintu masuk sempadan di Wang Kelian atas sebab keselamatan negara dijangka akan menjelaskan perniagaan di Pekan Nat, Wang Kelian (Malaysia) pekan Wang Prachan (Thailand). Langkah itu boleh menyebabkan lebih 400 peniaga tempatan kerugian kira-kira RM1 juta sebulan apabila bilangan pelancong Thailand berkurangan daripada 40,000 orang pada hari minggu kepada kira-kira 10,000 orang sahaja (Abd Rahim 2008).

### **7.3 Aliran Pendapatan dan Perbelanjaan di Pekan Nat**

Berdasarkan kajian yg dijalankan, terdapat 267 buah gerai di Pekan Nat Wang Kelian. Sebahagian besar (59%) barang yang dijual di Pekan Nat wang kelian ialah barang elektrik, makanan ringan dan hiasan/kraftangan. Purata setiap kedai mempunyai dua orang pekerja dan kebanyakannya pekerja ini ialah kebanyakannya (86%) pekerja ini ahli keluarga peniaga. Purata seorang peniaga akan berbelanja (modal) sebanyak RM810 seminggu. Dari segi keuntungan peniaga (selepas ditolak kos), purata pada hari biasa ( Isnin hingga Sabtu) seorang peniaga boleh mendapat keuntungan sebanyak RM78 sehari. Manakala pada hari minggu (Ahad) seorang peniaga boleh mendapat keuntungan sebanyak RM274 sehari. Ini bermakna dalam masa satu minggu seorang peniaga boleh mendapat keuntungan sebanyak RM742. Peratus keuntungan yang besar iaitu sebanyak 92%. Dianggarkan dalam masa satu bulan, seorang peniaga akan berbelanja (modal) sebanyak RM3,240 dan mendapat keuntungan (selepas ditolak kos) sebanyak RM2,968.

Anggaran dalam masa satu bulan peniaga-peniaga di Pekan Nat akan berbelanja sebanyak RM865,080 (RM3,240 x 267 gerai) untuk membeli barang-barang perniagaan dan perbelanjaan untuk lain-lain kos perniagaan. Jika 50% daripada peniaga tidak berniaga pada hari biasa, bermaksud perniagaan di Pekan Nat ini mencipta keuntungan sebanyak RM355,110 dalam masa satu bulan [(RM78 x 6 hari = RM468 x 50% = RM 234 x 267 gerai = RM62,478) + (RM274 x 4 hari = RM1,096 x 267 gerai = RM292,632)]. Sebaliknya jika semua peniaga berniaga setiap hari, perniagaan di Pekan Nat ini mencipta keuntungan sebanyak RM792,456 sebulan (RM2,298 x 267 gerai).

Dari sudut perbelanjaan pengunjung pula, bagi pelancong tempatan 83% daripada mereka akan berbelanja sekitar RM1 hingga RM30 seorang. Manakala bagi pelancung asing (termasuk rakyat Thailand), 87% daripada mereka akan berbelanja sekitar RM15 hingga RM100 seorang (rujuk Jadual 2.10). Dalam masa setahun (data tahun 2003) seramai 276,280 rakyat Malaysia yang memasuki Thailand dan seramai 217,515 rakyat Thailand yang masuk ke Malaysia melalui Wang Kelian (Yusri, 2005). Dianggarkan purata sehari sekitar 1,300 pelancong melalui Pekan Nat (pada hari Ahad sekitar 5,000 orang pelancong) dan purata sebulan sekitar 40,000 pelancong melalui Pekan Nat. Jika seorang pelancong berbelanja purata RM35 seorang, dalam masa satu bulan pelancong berbelanja sebanyak RM1,400,000 di Pekan Nat Wang Kelian.

### **8. Cadangan dan Implikasi Kajian**

Sumbangan industri pelancongan kepada pendapatan negara semakin penting. Dalam tempoh RMKe-8, sumbangan bersih sektor pelancongan meningkat daripada RM11.2 bilion pada tahun 2000 kepada RM18.1 bilion pada tahun 2005 (Malaysia 2006). Dijangka ketibaan

pelancongan ke Malaysia akan terus berkembang pada kadar 9.5 peratus setahun sehingga mencecah 24.6 juta di tahun 2010 (Malaysia 2005). Tarikan utama pelancong ke Malaysia ialah pusat persidangan, penganjuran acara, kemudahan sukan, pameran dan konvensyen yang baik selain kepelbagaian dari segi alam semulajadi, kebudayaan dan seni tempatan, kemudahan membeli-belah dan rekreasi Sebanyak 68.7 peratus dari pendapatan tersebut adalah dari negara-negara ASEAN. Bakinya dari Republik China (5.1%), United Kingdom (2.5%) dan Australia (2.3%). Kebanyakan perbelanjaan adalah untuk tujuan penginapan (31.1%), beli-belah (24%) dan makanan serta minuman (7.5%) (Azilah 2007).

Di negeri Perlis, pembangunan sektor pelancongan agak lewat iaitu pada sekitar tahun 1980-an selepas satu pelan induk dihasilkan oleh kerajaan negeri pada tahun 1985. Pelancarkan kempen 'Tahun Melawat Perlis 2003-2005' dengan slogan 'Permai Lagi Mempesonakan' telah meningkatkan kedatangan pelancong kepada 862,814 orang pada tahun 2003 berbanding sebelum 2003 yang hanya sekira 200,000 hingga 400,000 orang setahun (Yusri 2005). Produk dan perkhidmatan pelancongan seperti yang telah digariskan dalam RMKe-9 boleh dilaksanakan bagi menggalakkan perkembangan sektor pelancongan di negeri Perlis terutamanya di Taman Negeri Perlis dan dalam masa yang sama meningkatkan sumbangan pembangunan sektor pelancongan kepada penduduk sekitar. Antaranya ialah seperti Ekopelancongan, Agropelancongan dan Program Inap Desa; Pelancongan Kebudayaan dan Warisan; dan Acara Bertema, Pelancongan Sukan dan Rekreasi.

### **8.1 *Ekopelancongan, Agropelancongan dan Program Inap Desa***

Negeri Perlis mempunyai banyak khazanah lama dan pemandangan semula jadi yang menarik seperti terowong batu kapur Wang Mu-Wang Kelian, Gua Tikus dan Gua Cenderawasih. Kaki Bukit, Kampong Santan, Hutan Lipur Bukit Ayer, air terjun Sungai Batu Pahat, ladang tebu Chuping, empangan Timah Tasuh, Bukit Cabang, Gua Kelam. Selain itu terdapat juga makam purba peninggalan sejarah Perlis yang dinamakan Almarhum Kayang di Kampung Almarhum atau Tok Kuning di kaki bukit.

Kerajaan negeri Perlis, melalui Jabatan Perhutanan Negeri boleh mendapat faedah dengan mencadangkan kawasan-kawasan ekopelancongan yang sesuai untuk disenaraikan dalam Pelan Ekopelancongan Kebangsaan untuk menggalak dan membangunkan ekopelancongan di negeri Perlis. Dalam masa yang sama terowong batu kapur Wang Mu-Wang Kelian, Gua Tikus atau/dan Gua Cenderawasih boleh diketengahkan dan seterusnya cuba mendapatkan pengiktaran dalam Senarai Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO)<sup>1</sup> (*UNESCO's World Heritage Sites*).

Melalui penyenaraian kawasan-kawasan pelancongan berpotensi dalam Taman Negeri Perlis ia bukan sahaja akan mengalakkan kemasukan pelancong asing malah juga pelancong domestik ke kawasan-kawasan tersebut. Program Agropelancongan boleh dilaksanakan di ladang tebu Chuping dan kawasan sawah padi di sekitar Taman Negeri Perlis yang mempunyai permandangan alam sekitar yang menarik. Selain itu, Program Inap Desa (*homestay*) juga boleh dipromosikan di Kampung Wang Kelian dan Kampung Kaki Bukit. Dalam masa yang sama kawasan sawah padi di Kampung Wang Kelian boleh menjadi tarikan pelancong asing dalam program inap desa yang boleh dilaksanakan. Penduduk dilatih dengan latihan asas (juga dengan bantuan modal jika perlu) program inap desa termasuk latihan sebagai pemandu pelancong bertauliah. Langkah ini dijangka akan memberi peluang kepada

<sup>1</sup> 48 kawasan telah disenaraikan dalam Pelan Ekopelancongan Kebangsaan. Gua Mulu dan Taman Kinabalu telah disenaraikan sebagai warisan dunia oleh UNESCO. Rujuk Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010, ms.207.

penduduk di kawasan sekitar Taman Negeri Perlis terlibat dalam aktiviti berkaitan pelancongan dalam masa yang sama meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan<sup>2</sup>.

### **8.2 Pelancongan Kebudayaan dan Warisan**

Terdapat ramai penduduk Siam di negeri Perlis (dan Kedah) terutamanya di sempadan Perlis-Thailand, budaya unik masyarakat Melayu-Siam ini merupakan satu produk dan tarikan pelancongan yang boleh dikembangkan. Selain memelihara tempat kebudayaan dan warisan, monumen-monumen dan tempat bersejarah terutamanya yang terdapat di dalam Taman Negeri Perlis atau yang berhampiran dengannya yang ada kaitannya dengan tamadun kerajaan Melayu dan Siam pada masa lampau harus terus dipelihara. Promosi Muzium Sejarah Kota Kayang dan lain-lain monumen tempat bersejarah harus terus dipergiatkan. Selain itu, kebudayaan (seni), makanan, pakaian, kraftangan tradisional, wajar diberi galakkan dan sesuai menjadi salah satu produk (barang) yang dijual di Pekan Nat Wang Kelian. Produk-produk warisan dan budaya ini boleh dipromosikan seiring dengan program Inap Desa (*homestay*).

Program *homestay* telah berjaya menarik ramai pelancong-pelancong dari Jepun dan Korea yang berminat untuk menyelami dan mengalami sendiri gaya kehidupan tempatan terutamanya budaya Melayu. Banyak *homestay* di Negeri Sembilan misalnya, yang telah menerima kunjungan dari kumpulan kanak-kanak sekolah dari Jepun dan beberapa negara lain (Azilah 2007). Program ini boleh dilaksanakan di negeri perlis bagi memberi peluang kepada pelancong asing menyelami budaya dan adat resam tempatan masyarakat Melayu dan Siam di Perlis.

Selain itu, bagi menggalakkan lagi kunjungan pelancong, Konsep Kampung Budaya (atau Taman Budaya) boleh diadaptasikan di kawasan tertentu dalam Taman Negeri Perlis.

### **8.3 Acara Bertema, Pelancongan Sukan dan Rekreasi**

Kawasan perlancongan seperti terowong batu kapur Wang Mu-Wang Kelian, Gua Tikus, Gua Kelam dan Gua Cenderawasih. Hutan Lipur Bukit Ayer, air terjun Sungai Batu Pahat dan empangan Timah Tasuh, sesuai dipromosikan sebagai kawasan pelancongan dengan acara bertema atau sukan yang tertentu. Contoh seperti acara Pesta/Sukan Air (peringkat kebangsaan atau antarabangsa) di empangan Timah Tasuh, dalam Taman Negeri Perlis. Sukan lasak (*adventure*) anjuran Jabatan Perhutanan di kawasan bukit batu kapur dan hutan lipur yang bersuauan.

### **8.4 Meningkatkan Kerjasama Keselamatan Di Pintu Masuk Sempadan Wang Kelian**

Kerjasama kerajaan Malaysia-Thailand untuk meningkatkan jaminan keselamatan untuk tujuan keamanan dan keselamatan dalam aktiviti pelancongan di pekan sempadan (*border town*) merupakan satu faktor penentu utama kedatangan pelancong ke Wang Kelian. Pekan sempadan ini memberi sumbangan dari segi pekerjaan dan pendapatan di kedua belah sempadan. Sebahagian besar peniaga berskala kecil dalam aktiviti perniagaan runcit. Pekan sempadan juga menjadi salah satu tarikan pelancong tempatan dan asing sebagai destinasi membeli-belah sambil melancong di negeri Perlis/Thailand.

Keputusan Kerajaan Pusat mewajibkan penggunaan dokumen pengenalan untuk keluar masuk di pintu sempadan Wang Kelian sewajarnya dilihat sebagai satu langkah positif jangka

<sup>2</sup> Dalam tempoh RMKe-8, 2000-2005 sebanyak 463 pengusaha inap desa telah dilatih dan diberi lessen. Terdapat 1,089 pengusaha inap desa di 79 buah kampung di Malaysia. Rujuk Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010, ms.207.

panjang dalam meningkatkan lagi aktiviti pelancongan di Wang Kelian dan Taman Negeri Perlis sebagai kawasan membeli-belah, perhotelan dan pelancongan satu masa akan datang.

Ini kerana keselamatan diri adalah satu aspek penting dalam menarik pelancong asing ke satu-satu destinasi. Pelancongan dari negara-negara Timur Tengah kini cenderung untuk bercuti di Malaysia kerana mereka tidak lagi rasa selamat untuk bercuti di negara-negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan sebagainya. Ini akan memberikan impak yang sangat negatif kepada sektor perhotelan, restoran dan perniagan-perniagaan lain yang berkaitan dengan pelancongan. Rasa tidak selamat ini akan mempunyai kesan rantaian. Setiap pelancong berkemampuan untuk mempengaruhi beberapa bakal pelancong lain berkenaan masalah keselamatan destinasi yang dikunjungi (Azilah, 2007).

Kerjasama yang sistematik beserta langkah jaminan keselamatan untuk tujuan keamanan dan kestabilan dalam aktiviti sempadan ini seharusnya dalam keadaan *mesra pelancong* dan dalam jangka masa panjang Polis Pelancong juga sesuai ditempatkan di pekan sempadan.

Untuk meningkatkan keselamat pelancong (dan negara), dalam jangka panjang kerajaan Malaysia dan Thailand wajar memikirkan pembentukan Kawasan Bebas Cukai Wang Kelian – Wang Pratchan, sebagaimana Kawasan Bebas Cukai Bukit Kayu Hitam (Kedah) dan Kawasan Bebas Cukai Padang Besar (Perlis). Kawasan bebas cukai ini meliputi kawasan 2km di sebelah Malaysia dan Thailand (seperti mana yang telah dipersetujui dalam kerjasama IMT-GT). Berbeza dengan kawasan bebas cukai (di sempadan negara) yang lain, kerana kawasan bebas cukai Wang Kelian – Wang Pratchan bukan sahaja menarik untuk membeli belah, malah pelancong dari Malaysia dan Thailand boleh menikmati dan melancong ke kawasan Taman Negeri Perlis (Malaysia) dan Taman Negeri Satun (Thailand) (jika dicadangkan kedua-dua taman negeri tersebut dalam lingkungan 2km dari sempadan) (draft cadangan pembangunan bandar sempadan seperti dalam Rajah 1).

### **8.5 Meningkatkan Kemudahan Pelancongan di Pekan Wang Kelian**

Tempoh purata penginapan pelancong di hotel-hotel negeri Perlis ialah selama 1.3 malam berbanding 1.6 malam di peringkat kebangsaan (Yusri 2005). Hanya dua hotel berbintang (Putra Palas di Kangar dan Basmana Hotel di Kuala Perlis) di negeri Perlis. Tiada hotel di Pekan Nat Wang Kelian. Jika adapun hanya chalet di Taman Negeri Perlis, Wang Kelian yang bilik penginapan agak terhad. Taman Negeri ini dilengkapi dengan Pusat Penerangan, Chalet, dewan serbaguna, tapak perkhemahan, dewan makan, tandas dan surau. Kekurangan tempat penginapan ini menyebabkan Wang Kelian hanya berfungsi sebagai 'transit point' kepada pelancong asing dari arah Thailand yang ingin ke Langkawi menerusi Kuala Perlis atau ke Pulau Pinang. Cadangan Great Earth Duty Free Sdn. Bhd. (Great Earth)<sup>3</sup> merancang beberapa projek lain termasuk membina sebuah hotel bertaraf tiga bintang dan kompleks membeli-belah yang menjual barang dari kilang sewajarnya dipercepatkan bagi meningkatkan lagi ketibaan dan penginapan pelancong di Wang Kelian.

Selain itu, penyediaan kemudahan-kemudahan lain merupakan aspek terpenting dalam memastikan mutu percutian pelancong. Tanpa prasarana pelancongan yang mencukupi dan memuaskan Wang Kelian akan menghadapi masalah mendapatkan kedatangan pelancong asing dan tempatan yang berterusan kerana pelancong yang telah datang berhadapan dengan masalah kemudahan awam dan dalam masa yang sama mereka mungkin tidak datang semula atau tidak mencadangkan untuk melawat ke Wang Kelian kepada saudara mara atau sahabat handai.


<sup>3</sup> Great Earth Duty Free Sdn. Bhd. Merupakan satu syarikat Bumiputera, Kerajaan Perlis mempunyai kepentingan sebanyak 30% dan Great Earth diberi konsesi untuk beroperasi di Wang Kelian selama 30 tahun (Yusri 2004).

Pusat maklumat pelancong perlu disediakan di Pekan Nat Wang Kelian. Selain untuk menyampaikan maklumat tentang pekan sempadan, Pekan Nat Wang Kelian, Pusat maklumat pelancong ini juga berfungsi untuk mempromosi destinasi-destinasi menarik dalam Taman Negeri Perlis.

Kepada pelancong terutamanya pelancong asing, kemudahan pengurup wang (*money changer*) penting dalam membeli-belah di Pekan Nat. Walau bagaimanapun tiada kemudahan tersebut di Pekan Nat memyebabkan pelancong mudah tertipu terutamanya kepada mereka yang tidak peka kepada kadar pertukaran semasa dan kepada mata wang yang digunakan (wang palsu).

Selain itu, kemudahan tandas awam yang uzur dan tidak terjaga, tiada kemudahan tempat untuk bersembahyang (surau), tempat meletak kereta/bas yang tidak terurus dan gerai-gerai yang tidak teratur/terurus.

Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pelancong dan Jabatan Perhutunan boleh bertindak sebagai satu entiti dalam merancang dan mengawalselia kemudahan awam di Pekan Nat Wang Kelian.



Rajah 1: Draf Perancangan Kawasan Bebas Cukai Wang Kelian – Wang Pratchan

### **8.6 Penglibatan Penduduk/Barangan Tempatan Dalam Perniagaan Di Pekan Nat**

Sekitar 60% (157 daripada 267 buah gerai) gerai perniagaan di Pekan Nat di kawasan sempadan di sebelah Malaysia dimiliki oleh rakyat Thailand berbanding peniaga tempatan hanya 40% (110) gerai dimiliki oleh rakyat Malaysia. Daripada 70 orang peniaga yang telah disoalselidik, hanya 10% sahaja daripada mereka merupakan tuanpunya (atau milik keluarga) gerai/perniagaan yang dijalankan di Pekan Nat. Selebihnya merupakan penyewa gerai dengan kadar sewa terbanyak (51%) antara RM20-RM40 sebulan (rujuk Jadual 2.7). Terdapat juga peniaga (20%) yang membayar sewa antara RM100 hingga RM200 sebulan.

Tinjauan mendapati sebahagian besar peniaga di Pekan Nat, Wang Kelian (Malaysia) ialah warganegara Thailand manakala semua peniaga di pekan Wang Prachan (Thailand) ialah warganegara Thailand. Tiada warganegara Malaysia yang bermiaga di pekan Wang Prachan (Thailand).

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perhutanan (jika gerai dibawah bidang kuasa Jabatan Perhutanan) sewajarnya mempunyai satu garis panduan/peraturan tentang warganegara peniaga dan jenis perniagaan yang dibenarkan di Pekan Nat.

Adalah lebih sesuai 75% daripada peniaga di Pekan Nat ialah warganegara Malaysia, dan pekerja-pekerjanya juga mestilah sekurang-kurangnya 75% warganegara Malaysia. Selain itu jenis perniagaan juga ditetapkan bahawa 75% daripada gerai-gerai sewajarnya menjual barang berjenama Malaysia. Ini kerana sebahagian besar peniaga, pekerja dan barang yang dijual di Pekan Nat sekarang ini ialah dari Thailand yang memberi kesan *limpahan* yang terbatas kepada penduduk/produk tempatan.

Satu persekitaran perniagaan yang sihat/menarik (melalui peraturan tertentu) dari sudut peluang perniagaan kepada penduduk tempatan dan penduduk asing (Siam) di Pekan Nat (Malaysia) dan pekan Wang Prachan (Thailand) boleh diwujudkan melalui kerjasama yang sistematik beserta langkah jaminan keselamatan antara kerajaan Malaysia dan Thailand. Dalam perspektif yang lebih luas, pelancong tempatan dan asing dari Malaysia ke pekan Wang Prachan untuk membeli-belah produk tertentu di Thailand dan pelancong warga Thailand dan asing dari Thailand ke pekan Wang Kelian untuk membeli-belah produk Malaysia serta didedahkan dengan promosi-promosi untuk melancong Taman Negeri Perlis. Melalui kerjasama kerajaan Malaysia-Thailand di bawah Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) dan perancangan pembangunan melalui Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER) dalam pembangunan aktiviti perniagaan dan pelancongan, dalam jangka panjang ia dijangka mendorong kemasukan masuk modal asing yang lebih bersistematis dan peningkatan modal tempatan di pekan sempadan, Pekan Nat, Wang Kelian (Malaysia) dan pekan Wang Prachan (Thailand).

Selain itu, rupabentuk gerai juga seharusnya ditetapkan supaya tidak mencacatkan permandangan di sekitar Pekan Nat. Kebanyakan gerai dibina secara ringkas beratap plastik atau papan serta tidak teratur.

Walaupun pembinaan satu kompleks kedai yang lengkap dengan pelbagai kemudahan prasarana telah di bina sejak tahun 2002 lagi, tapi hingga kini (Disember 2007) ia masih belum beroperasi. Perpindahan gerai/peniaga yang tidak teratur ke Arked Pekan Sehari Wang Kelian sewajarnya dipercepatkan. Perpindahan ini berdasarkan satu garis panduan/peraturan tentang warganegara peniaga dan jenis perniagaan yang dibenarkan di Pekan Nat seperti yang telah dicadangkan di atas.

### **8.7 Sewa Gerai dan Cukai Perkhidmatan Perniagaan Di Pekan Nat**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perhutanan (jika gerai dibawah bidang kuasa Jabatan Perhutanan) boleh menetapkan satu kadar sewa yang berbeza bagi peniaga tempatan dan asing. Sewa satu unit gerai yang dicadangkan antara RM150 (peniaga tempatan) hingga RM300 (peniaga asing) sebulan. Kadar sewa ini sekitar 5% dari keuntungan peniaga sebulan untuk peniaga tempatan dan sekitar 10% dari keuntungan bagi peniaga asing<sup>4</sup>. Selain itu satu peraturan yang jelas menetapkan mengenai hanya penyewa berdaftar dan mempunyai lesen perniagaan yang sah sahaja dibenarkan menjalankan perniagaan di gerai yang disewa. Ini bagi mengelakkan orang tengah mengambil kesempatan dengan menyewakan gerai kepada peniaga lain.

Selain itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perhutanan (jika gerai dibawah bidang kuasa Jabatan Perhutanan) boleh menetapkan caj cukai perkhidmatan minimum 1% kepada pembeli di Arked Pekan Sehari Wang Kelian. Pulangan melalui caj perkhidmatan ini sekitar RM14,000<sup>5</sup> sebulan boleh digunakan sebagai kos pengurusan kemudahan awam yang disediakan di Pekan Nat Wang Kelian dan arked tersebut.

### **8.8 Perumahan Penduduk Wang Kelian**

Mengikut Draf Akhir Rancangan Tempatan Beseri-kaki Bukit 2000-2010, Wang Kelian akan dibangunkan sebagai pusat perkhidmatan kecil. Terdapat pembangunan perumahan awam di utara kampung Wang Kelian yang mengandungi 40 unit rumah berkembar dan 108 unit rumah dari jenis kluster. Walau bagaimanapun rumah-rumah ini masih belum diduduki (sehingga Disember 2007).

Perpindahan penduduk ke kawasan perumahan ini dijangka akan meningkatkan lagi kuasa beli (permintaan) di Pekan Nat Wang Kelian. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mungkin boleh menetapkan 50% daripada rumah yang telah dibina tersebut dijual kepada penduduk tempatan. Bakinya masih dibawah pentadbiran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Jabatan Perhutanan) iaitu 25% dibangunkan sebagai asrama pelancong dan 25% lagi untuk disewakan kepada peniaga.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau Jabatan Perhutanan boleh membangunkan kawasan perumahan tersebut sebagai asrama pelancong. Ia dalam jangka masa pendek dijangka dapat mengatasi masalah kekurangan tempat penginapan ini menyebabkan Wang Kelian hanya berfungsi sebagai `transit point' kepada pelancong asing dan tempatan dari arah Thailand dan dari arah Malaysia.

Selain itu kawasan perumahan ini juga boleh disewakan kepada peniaga/pekerja di Arked Pekan Sehari Wang Kelian terutamanya jika peniaga tersebut datang dari luar kawasan Wang Kelian. Ini bagi mengurangkan masalah peniaga/pekerja di Pekan Nat Wang Kelian untuk mendapatkan rumah sewa yang berdekatan dengan kawasan perniagaan mereka.

<sup>4</sup> Purata keuntungan seorang peniaga sekitar RM3,000 sebulan, rujuk bahagian 3.2.3 Aliran Pendapatan dan Perbelanjaan di Pekan Nat.

<sup>5</sup> Berdasarkan purata dalam masa satu bulan pelancung berbelanja sebanyak RM1,4000,000 di Pekan Nat Wang Kelian.

### Rujukan

- 300kg daging ayam seludup dirampas. *Utusan Malaysia*, 7 Februari 2004. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu
- Abdul Rahim Anuar. 2008. Jana ekonomi sempadan. *Utusan Malaysia*, 11 Januari 2008. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu
- Abdullah Hamid. 2000. 3 pekan IMT-GT akan dibuka. *Utusan Malaysia*, 5 Mac 2000. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu
- Abdullah Hamid. 2001. Permintaan Perlis adakan 2 pintu masuk dipertimbang. *Utusan Malaysia*, 11 Mac 2001. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu
- Azilah Kasim. 2007. *Hala Tuju, Cabaran dan Isu Berkaitan Pelancongan Dalam RMKe-9*. Dalam Asan Ali Golam Hassan (ed). Hala Tuju dan Cabaran Sektoral dan Sumber Manusia Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia
- Banyak khazanah lama yang masih belum diterokai Perlis kekalkan alam semula jadi. *Utusan Malaysia*, 14 September 1999. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu
- Henti masuk bebas di Wang Kelian sebab keselamatan – Radzi. *Utusan Malaysia*, 24 Disember 2007. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu
- Imbasan cap jari adalah untuk keselamatan- Radzi. *Utusan Malaysia*, 9 Januari 2008. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu
- Johari Shawal. 2007. Kaji kebebasan keluar masuk sempadan Wang Kelian. *Utusan Malaysia*, 1 Disember 2007. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu
- Johari Shawal. 2008. Larangan tidak diendah. *Utusan Malaysia*, 11 Januari 2008. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu
- Kawalan sempadan di Perlis dipertingkat. *Utusan Malaysia*, 2 September 2005. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu
- Kebebasan di Wang Kelian tamat. *Utusan Malaysia*, 19 Disember 2007. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu
- Kerajaan kaji semula kelonggaran pergerakan di sempadan. *Utusan Malaysia*, 31 November 2007. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu
- Laluan bebas Wang Kelian dihentikan atas faktor keselamatan. *Utusan Malaysia*, 11 Januari 2008. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu
- Malaysia. 2000. Rancangan Malaysia Kelapan, 2000-2005. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional.
- Malaysia. 2006. Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional.
- Malaysia. 2005. Pelan Pengurusan Taman Negeri Perlis 2004-2008. Jabatan Perhutanan Negeri Perlis.
- Metra Syahril Mohamed. 2007. Perlis bakal buka pintu sempadan ketiga. *Utusan Malaysia*, 5 Mac 2007. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu
- Penduduk Wang Kelian jadi 'buruh upahan' bungkus diesel. *Utusan Malaysia*, 13 Mac 2006. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu
- Seludup: Kenderaan luar diperiksa. *Utusan Malaysia*, 22 November 2002. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu
- Spiderman 2* gagal diseludup. *Utusan Malaysia*, 19 September 2004. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu
- Syed Ridzuwan Syed Ismail. Jumpa PM rayu isu Wang Kelian. *Utusan Malaysia*, 8 Januari 2008. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu
- Teksi haram Pak Yob masuk Malaysia tanpa sekatan. *Utusan Malaysia*, 24 November 2005. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu
- Yusri Sahat. 2004. Great Earth kekal melabur di Wang Kelian. *Utusan Malaysia*, 12 November 2004. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu
- Yusri Sahat. 2005a. Kikis imej sebagai lokasi transit pelancong. *Utusan Malaysia*, 19 April 2005. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu
- Yusri Sahat. 2005b. Pengawasan kenderaan masuk negara jiran dipertingkat. *Utusan Malaysia*, 5 April 2005. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu
- Zain Mohd. Noor. 2000. Kastam didakwa tidak tegas. *Utusan Malaysia*, 5 Julai 2000. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu